

# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad  
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

## 1 Apakah Traveller's Insurance Plus?

Traveller's Insurance Plus memberikan pampasan bagi mana-mana kecederaan anggota badan, kecacatan atau kematian yang disebabkan secara langsung oleh perlakuan ganas yang tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat semasa perjalanan domestik dan/atau luar negara.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM120.00** setiap perjalanan, anda akan menerima perlindungan Pelan Luar Negara untuk Individu berikut:

Anggaran premium: Jumlah diinsuranskan RM300,000, luar negara, tiga puluh (30) tahun, untuk lima hari dan dengan pilihan tambahan sukan ekstrem.

Polisi ini melindungi:

No	Faedah-faedah	Luar Negara (RM)		No	Faedah-faedah	Luar Negara (RM)	
		Individu				Individu	
1	Kematian / Hilang upaya kekal	300,000		16	Kehilangan wang peribadi	1,000	
2	Perbelanjaan perubatan	300,000		17	Liabiliti peribadi	1,000,000	
3	Rawatan susulan	50,000		18	Indemniti kad kredit	5,000	
4	Penginapan hospital	13,500		19	Kerosakan atau kehilangan komputer riba	1,250	
5	Lawatan ehsan	7,000		20	Penjagaan rumah	5,000	
6	Penjagaan kanak-kanak	Tiada		21	Insurans haiwan peliharaan	100	
7	Pemindahan perubatan kecemasan	1,000,000		22	Perlindungan kuarantin	2,000	
8	Repatrasi jenazah			23	Perlindungan peralatan sukan	3,000	
9	Pembatalan perjalanan	20,000		24	Kos tambahan kereta sewa	1,500	
10	Pemendekan perjalanan	20,000		25	Kehilangan deposit/bayaran penuh	8,000	
11	Kelewatan perjalanan	2,500		26	Perlindungan rampasan	4,000	
12	Terlepas perjalanan	2,000		27	Perubahan laluan perjalanan	1,000	
13	Kelewatan bagasi	1,000		28	Tempahan perjalanan berlebihan	1,000	
14	Kehilangan / kerosakan bagasi & barangan peribadi	5,000		29	Terlepas sambungan perjalanan	300	
15	Kehilangan dokumen perjalanan	5,000		30	Keganasan	Ada	
				31	Sukan ekstrem (opsyenal)	300,000	
Premium (sebelum duti setem)				RM120 (termasuk premium pilihan tambahan)			

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan pilihan tambahan yang tersedia.

Tempoh perlindungan adalah mengikut tempoh perlindungan yang dipilih.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di  
1 800 88 8121



Layari kami di  
[www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)



Emel kami di  
[customer@libertyinsurance.com.my](mailto:customer@libertyinsurance.com.my)



Imbas kod  
QR di atas

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Risiko peperangan;
- Bunuh diri dan hilang akal;
- Pembunuhan akibat daripada rasa marah atau serangan.
- AIDS;
- Kehamilan atau Kelahiran anak melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan;
- Melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- Penyakit sedia ada; dan
- Sukan berbahaya.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi Traveller's Insurance Plus Pelan Individu Luar Negara (dengan manfaat pilihan) ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM99.00 (setiap perjalanan)
(+) Perlindungan Tambahan	RM21.00 (setiap perjalanan)
<b>Premium Kasar</b>	<b>RM120.00</b>
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	Tidak berkenaan
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
<b>Jumlah Premium Perlu Dibayar</b>	<b>RM120.00</b>
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada Premium Kasar atau RM30.00

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar cukai perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Tiada cukai perkhidmatan dikenakan untuk polisi perjalanan ke luar negara. Walau bagaimanapun, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan untuk polisi perjalanan domestik dan polisi tahunan.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

### 4 Maklumat Penting Lain

- Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda.
- Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan.
- Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang.
- Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kemalangan tersebut berlaku.
- Tiada cukai kerajaan dikenakan untuk polisi perjalanan ke luar negara. walau bagaimanapun, cukai kerajaan hendaklah dikenakan untuk polisi perjalanan domestik dan polisi tahunan.
- Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- Kawasan-kawasan geografi –
  - i) Domestik di dalam Malaysia sahaja.
  - ii) Asia termasuk Brunei, Kemboja, China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Macau, Malaysia (Timur ke Barat atau sebaliknya), Nepal, Singapura, Filipina, Korea Selatan, Thailand, Taiwan, Vietnam, Pakistan, Maldives, Sri Lanka, dll.
  - iii) Seluruh Dunia ditakrifkan sebagai semua negara termasuk Asia (seperti yang ditakrifkan di atas) kecuali Negara-negara Terkecuali.
  - iv) Negara-negara Terkecuali: Sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat, Malaysia atau Singapura.
- Kelayakan –
  - i) Pelan Individu dan/ atau Pasangan berumur dari lapan belas (18) tahun sehingga lapan puluh lima (85) tahun.
  - ii) Pelan Individu dan Kanak-kanak adalah termasuk anda dan anak berumur dari tiga puluh (30) hari dan lapan belas (18) tahun ke bawah.
  - iii) Pelan Keluarga adalah termasuk anda, pasangan dan anak berumur dari tiga puluh (30) hari dan lapan belas (18) tahun ke bawah.
  - iv) Setiap perjalanan mesti bermula atau berakhir di Malaysia kecuali Perlindungan Perjalanan Sehala.
  - v) Tempoh perlindungan maksimum untuk setiap perjalanan sehala dan dua hala adalah terhad kepada sembilan puluh (90) hari dan seratus lapan puluh lima (185) hari berturut-turut.
  - vi) Tanggungan yang berumur lapan belas (18) tahun ke bawah mesti ditemani oleh seorang dewasa

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

### ? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika premium minima dibayar atau tuntutan telah dibuat pada polisi.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.